

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.2 (58)

14 Julai 2014
16 Ramadan 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 28/2014

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI UNTUK MENJALANKAN KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB STAF BAGI KETIDAKHADIRAN TANPA CUTI

Merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 41/2012, Universiti Teknologi Malaysia dan Peraturan 21, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 berkaitan peranan dan tanggungjawab Pegawai di Pusat Tanggungjawab untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya.

Peraturan 21-

- (1) Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan peraturan-peraturan ini.
- (2) Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan ini hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

2. Pihak Universiti memandang serius peranan dan tanggungjawab Pegawai ke atas pegawai-pegawai bawahannya terutama yang berkaitan kawalan dan pengawasan terhadap kes ketidakhadiran tanpa cuti oleh staf Universiti. Pihak Universiti mengarahkan semua Pegawai mengambil tindakan awal kepada pegawai-pegawai bawahannya yang tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah.


...2/-

3. Sehubungan itu, mana-mana Pegawai yang gagal atau cuai mengambil tindakan Tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya bagi kes ketidakhadiran melebihi **SATU (1) BULAN**, Pegawai tersebut boleh dikenakan tindakan Tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 kerana ingkar perintah, cuai dan tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k.
- YBhg Datuk Naib Canselor
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah